

04 MAR 1999

Lim-Gaji

JPA AKAN SERAH LAPORAN KEPADA KABINET MENGENAI PELARASAN GAJI

SHAH ALAM, 4 Mac (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diarah menyediakan satu laporan mengenai pelarasan gaji yang diminta oleh lima badan berkanun untuk dikemukakan kepada kabinet.

Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat arahan itu kepada JPA melalui Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali pada mesyuarat kabinet 24 Feb lepas.

"Kabinet akan memutuskan mengenai perkara itu selepas mengkaji laporan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai Bahaya Pekerjaan Berkaitan Dengan Penggunaan Komputer, di sini hari ini.

Lim mengulas rayuan 10,050 kakitangan lima badan berkanun - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Haji, supaya pelarasan gaji mereka disegerakan.

Lim berkata kabinet tidak menetapkan tempoh masa bagi penyiapan laporan itu.

Bagaimanapun katanya: "JPA perlu menyediakan laporan itu segera kerana ia merupakan arahan kabinet dan (keputusan itu) daripada Perdana Menteri sendiri."

Kakitangan kelima-lima badan berkanun itu yang mendakwa mereka mendapat bayaran gaji yang lebih rendah berbanding rakan-rakan di sektor awam yang lain, menghantar surat rayuan kepada Dr Mahathir pada 24 Dis 1997.

Pengerusi majlis bersama kesatuan agensi-agensi tidak bergabung Mohamed Noor Abdullah yang menyerahkan surat itu kepada Dr Mahathir melalui pembantu Perdana Menteri, dipetik sebagai berkata kakitangan agensi-agensi itu tidak mendapat manfaat daripada pelarasan gaji mengikut Sistem Saraan Baru pada 1 Jan 1996.

Masalah mereka turut dibangkitkan baru-baru ini oleh presiden Kongres Kasatuan Sekerja (MTUC) Senator Zainal Rampak yang menggesa perbendaharaan meluluskan semakan semula gaji mereka yang telah tertangguh selama empat tahun.

Zainal berkata semakan semula gaji mereka melibatkan kenaikan antara 12 dan 46 peratus.

Lim berkata walaupun perkara itu bukan di bawah bidangkusaa kemeterian berkenaan, beliau bersetuju mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua lima badan betkanun itu pada 23 Feb atas permintaan mereka.

"Saya berjanji kepada mereka bahawa saya akan membawa perkara itu kepada kabinet dan saya telah membangkitkannya dan mereka juga berjanji tidak akan mengugut kerajaan dengan membuat bantahan atau berpiket," katanya.

Bagaimanapun Lim kesal kerana walaupun mereka telah berjanji dan setelah diberitahu mengenai keputusan kabinet, mereka meneruskan tindakan membuat bantahan dengan memakai lencana ke tempat kerja.

"Mereka sepatutnya berpegang pada janji mereka. Ia tidak adil bagi saya dan kerajaan. Perkara ini sedang diusahakan dan kita perlu bersabar sedikit," kata Limj.

Lim memberi amaran tindakan mereka akan memberi kesan sebaliknya.

"Kita semua perlu menunggu laporan JPA," katanya.

-- BERNAMA

ES AHH RON